

KENYATAAN MEDIA

PERDANA MENTERI YAB DATO' SRI NAJIB TUN RAZAK MELAWAT STESEN, MENAIKI TREN MRT

Kuala Lumpur, 1 September 2016: Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak telah melawat Projek MRT Lembah Klang (KVMRT) pada hari ini, di mana beliau berpeluang memeriksa stesen dan menaiki tren yang akan beroperasi bagi laluan pertama iaitu MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Lawatan ini merupakan lawatan kerja kelima Perdana Menteri ke Projek KVMRT dan kali pertama beliau menaiki tren MRT. Lawatan-lawatan ini telah menunjukkan komitmen dan perhatian secara konsisten beliau terhadap Projek KVMRT bagi memastikan projek ini siap pada masa dan kos yang telah ditetapkan.

Lawatan yang diadakan pada hari ini bermula di Stesen Semantan, di mana Perdana Menteri telah disambut oleh Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar dan Pengarah Projek Laluan SBK Encik Marcus Karakashian.

Beliau kemudian dibawa ke aras platform untuk menaiki tren MRT. Selepas bertolak dari Stesen Semantan, tren telah berhenti di Stesen Pusat Bandar Damansara - seperti yang akan berlaku apabila operasi harian bermula - sebelum ke Stesen Phileo Damansara.

Di Stesen Phileo Damansara, Perdana Menteri telah turun dari tren dan melihat sekitar stesen itu. Beliau melawat aras ruang legar stesen di mana beliau melihat pintu tiket dan mesin tiket layan diri yang telah dipasang.

Kemudian, beliau dibawa ke jejantas pejalan kaki yang menyeberangi Lebuhraya SPRINT. Jejantas tersebut menghubungkan stesen dengan pintu masuk yang terletak bersebelahan Pusat Komersial Phileo Damansara.



Perdana Menteri kemudiannya menaiki tren dan kembali ke Stesen Semantan di mana lawatan itu telah berakhir.

Turut hadir semasa lawatan pada hari ini adalah ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan MRT Corp, dan juga pengurusan kanan MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd. MMC Gamuda merupakan Rakan Pelaksana Projek bagi Laluan SBK.

Kemajuan projek bagi Laluan SBK pada masa ini adalah 89%.

Fasa Pertama Laluan SBK dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan akan mula beroperasi pada Disember 2016. Baki laluan dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan mula beroperasi pada Julai 2017.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi

*Encik Leong Shen-Li
MRT Corp*

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my